

# PERAWI HADITH DI KALANGAN WANITA

Disediakan oleh:

Cawangan Kajian al-Quran dan al-Hadith

Bahagian Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## **BIODATA RINGKAS PERAWI WANITA**

### ***1) Ummu Salamah***

Nama: Hindun binti Hudzaifah (Abu Umayyah)

Ummu Salamah adalah kunya/nama gelaran. Ummu Salamah termasuk sahabat perempuan yang pertama kali berhijrah. Setelah kematian suaminya, Ummu Salamah telah dipilih oleh Allah SWT untuk menjadi isteri kepada Rasulullah ﷺ. Beliau juga dikatakan mendapat kedudukan yang tinggi di kalangan para isteri baginda, selain Khadijah dan mungkin juga Aisyah. Ketinggian kedudukannya di kalangan para isteri membuatkan beliau sentiasa hadir dalam banyak peperangan dan mempertahankan rumahtangga dan keluarga Rasulullah. Sifat yang membezakan Ummu Salamah dengan isterinya yang lain ialah seperti berikut: perannya menjaga Fatimah Az-Zahra, keterlibatannya dalam politik dan periwayatan Hadith baginda (378 riwayat Hadith yang sebahagiannya merupakan maklumat yang paling penting).

### ***2) Saidatina Aisyah***

Nama: Aisyah binti Abu Bakar As-Siddiq RA

Gelaran: Al-Humaira (putih kemerah-merahan) dan Ummul Mukminin (Ibu bagi orang beriman)

Aisyah dikurniakan kemuliaan semasa hidup dan selepas meninggal dunia. Dia bukan hanya menjadi isteri Rasulullah ﷺ di dunia, tetapi juga di akhirat kerana Ketika wahyu turun kepada baginda Rasulullah ﷺ, Jibril membawa khabar bahawa Aisyah adalah isterinya di dunia dan di akhirat. Dia juga merupakan contoh, ikutan, dan rujukan umat Islam seluruh dunia. Sejarah telah mencatatkan bahawa pelbagai masalah agama dan hukum-hakam agama dipelajari para sahabat daripada Aisyah. Beliau juga merupakan guru kepada Sheikh Abdul Hasan Ali al-Hasani an-Nadwi. Aisyah termasuk diantara Wanita yang banyak menghafal hadith-hadith Nabi ﷺ, sehinggakan para ahli hadith menempatkan dia pada urutan kelima daripada para penghafal hadith setelah Abu Hurairah, Ibnu Umar, Anas bin Malik dan Ibnu Abbas.

### ***3) Saidatina Hafsa***

Nama: Hafsa binti Umar bin Khattab

Sebelum menikahi Rasulullah ﷺ, dia ialah isteri kepada Khunais bin Hudzafah as-Sahami yang berjihad di jalan Allah dan gugur syahid dalam perang Badar. Antara karya terbesar Hafsa adalah terkumpulnya al-Quran di tangannya setelah mengalami penghapusan. Dialah isteri Nabi ﷺ yang pertama menyimpan al-Quran dalam bentuk tulisan pada kulit, tulang dan pelepah

kurma sehingga kemudian menjadi sebuah kitab yang sangat agung. Mushaf asli al-Quran itu berada di rumahnya sehingga dia meninggal dunia.

#### ***4) Zainab binti Jahsy***

Nama: Zainab binti Jahsy bin Riab bin Ya'mur bin Shairah bin Murrâh bin Katsir bin Ghanam bin Dudan bin Asad bin Khuzaimah.

Sesungguhnya perkahwinan Rasulullah ﷺ dengan Zainab bukanlah atas kemahuan baginda. Perkahwinan itu berdasarkan perintah Allah yang daripadanya kemudian lahir ketetapan hukum yang berlaku sehingga sekarang. Antara isteri-isteri Rasulullah ﷺ, Zainab dikenali dengan sikap kedermawanannya. Aisyah berkata bahawa Rasulullah pernah bersabda, "Orang yang paling awal menyusulku daripada kamu semua adalah yang paling panjang huluran tangannya". Setelah Zainab meninggal dunia barulah kami sedar maksud Rasulullah itu adalah huluran tangan yang suka bersedekah. Zainab suka hasil tangannya disedekahkan untuk jalan Allah.

#### ***5) Maimunah binti Al Harith***

Nama: Maimunah binti al-Harith bin Huzn bin al-Hazm bin Ruwaibah bin Abdullah bin Hilal bin Amir bin Sha'sha'ah al-Hilaliyah.

Maimunah merupakan saudara kandung Ummu Fadhl, isteri kepada Abbas yang juga ibu saudara kepada Ibnu Abbas dan Khalid bin Walid. Dia termasuk dalam Wanita yang masyhur dengan keutamaan, nasab dan kemuliaan.